UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

PERATURAN PENCEGAHAN PLAGIARISME

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PERATURAN PENCEGAHAN PLAGIARISME UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

Kelulusan Senat Bilangan 9 sesi 2023/2024 kali ke 238 bertarikh 8 Julai 2024

Hakcipta terpelihara, sebarang bahagian daripada kandungan buku ini tidak dibenarkan untuk diulang keluarkan dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, rakaman, atau lain-lain bentuk terbitan, tanpa keizinan bertulis daripada Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

PERATURAN PENCEGAHAN PLAGIARISME
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

1.0 PENGENALAN

1.1 Dokumen ini menggariskan peraturan dan pelaksanaan berkaitan pencegahan plagiarisme dalam terbitan ilmiah atau ciptaan dalam pelbagai bentuk.

1.2 Satu aspek hilangnya integriti akademik ialah plagiarisme yang merupakan perbuatan seseorang yang mengatakan sesuatu idea, yang telah diterbitkan ataupun yang belum terbit, penulisan, karya atau ciptaan orang lain, merupakan usaha intelektualnya sendiri tanpa memberi penghargaan yang jelas kepada pengarang asal atau sumbernya.

1.3 Peraturan Pencegahan Plagiarisme (selepas ini dirujuk sebagai **"Peraturan ini"**) bertujuan untuk:

(a) menerangkan komitmen jitu UTHM untuk menegakkan integriti akademik. Hal ini akan berkuat kuasa apabila terdapat suatu pelanggaran tata kelakuan akademik berkait dengan plagiarisme; dan

(b) sebagai sumber rujukan apabila terdapat suatu pelanggaran tata kelakuan akademik berkaitan dengan plagiarisme.

2.0 SKOP

2.1 Peraturan ini terpakai kepada semua pelajar, bekas pelajar, staf dan bekas staf dan/atau mana-mana orang yang sedang berkhidmat, telah tamat berkhidmat atau telah menamatkan pengajian di Universiti.

2.2 Peraturan ini menyokong, tetapi tidak mengetepikan atau menggantikan hak dan kewajipan staf dan pelajar di bawah Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang lain yang dikuatkuasakan di Malaysia.

2.3 Semua warga Universiti hendaklah diberi maklum dan dikemas kini tentang pendirian Universiti terhadap plagiarisme melalui taklimat/kursus/seminar/bengkel kesedaran dan pendidikan.

2.4 Peraturan ini menggalakkan semua surat pelantikan staf akademik dan bukan akademik, surat aku janji pelajar, surat jemputan sarjana pelawat (Profesor / Profesor Madya / Pensyarah Pelawat), pasca kedoktoran dan felo hendaklah memasukkan satu perenggan khas berkenaan pematuhan peraturan terhadap plagiarisme dan aku janji pengakuan bahawa semua warga Universiti memahami dan akan mematuhi terma-terma yang digariskan di dalam Peraturan ini.

2.5 Universiti mengambil berat setiap aduan dan kesalahan berkaitan plagiarisme dan sekiranya terbukti bersalah, Universiti boleh mengambil tindakan dan mengenakan hukuman tatatertib yang setimpal.

3.0 TAFSIRAN

Dalam Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain–

3.1 **"Jawatankuasa Pencegahan Plagiarisme (JPP)"** ertinya Jawatankuasa yang ditubuhkan untuk meneliti aduan dan menyediakan laporan tahap plagiarisme sekiranya berlaku salah laku plagiarisme;

3.2 **"pelajar"** ertinya seseorang pelajar berdaftar, selain pelajar di suatu institusi yang bersekutu dengan Universiti, yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran atau latihan pada peringkat persediaan atau praijazah, secara sepenuh masa atau separuh masa atau sambilan dalam Universiti, dan termasuklah pembelajaran jarak jauh, luar kampus, pertukaran dan pelajar tidak berijazah;

3.3 **"plagiarisme"** ertinya termasuklah perbuatan mengambil sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain dan mengaku bahawa idea, penulisan, data atau ciptaan itu ialah hasil dapatan atau ciptaannya sendiri; atau suatu cubaan untuk menonjolkan atau perbuatan menonjolkan, dengan apa-apa cara, bahawa dia ialah sumber asal atau pencipta sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan yang sebenarnya telah diambil daripada mana-mana sumber lain. Plagiarisme juga termasuklah satu perbuatan membentang, memetik, menyalin, memparafrasa atau menyebarkan idea, imej, proses, karya, data, perkataan sendiri atau orang lain atau sumber tanpa memberi perakuan, rujukan atau petikan yang betul kepada sumber asalnya. Perbuatan plagiarisme termasuk, tetapi tidak terhad, kepada hal-hal berikut:

(a) memetik secara verbatim (pereplikaan kata demi kata) hasil karya orang lain.

(b) memparafrasa karya orang lain dengan mengubah sesetengah daripada perkataan, atau susunan kata, tanpa memberi perakuan yang sewajarnya kepada sumber asalnya.

(c) menghantar dan menerbitkan keseluruhan atau sebahagian karya orang lain atau karya hasil daripada teknologi kecerdasan buatan generatif (KBG) sebagai karya sendiri.

(d) autoplagiarisme atau swaplagiarisme (*self-plagiarism*) karya sendiri (yang telah diterbitkan) atau karya yang sudah pun dihantar untuk penilaian atau bagi mana-mana anugerah dan menyerahkannya sebagai ciptaan yang baharu tanpa memetik kandungan asal.

(e) perujukan sumber yang tidak mencukupi atau mengelirukan yang membolehkan pembaca menyemak sama ada sesuatu karya itu telah dipetik dengan tepat dan/atau secara adil, justeru membolehkan mereka mengenalpasti sumbangan penulis asal dalam karya yang diserahkan itu.

3.4 **"Pihak Berkuasa Universiti"** ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 16 Perlembagaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan mana-mana Pihak Berkuasa Universiti yang ditubuhkan dari semasa ke semasa;

3.5 **"Pusat Tanggungjawab"** ertinya Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi, Institut, atau Pejabat yang bertanggungjawab mengurus apa-apa aktiviti-aktiviti yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, perundingan, pengujian, penerbitan, pengukuhan integriti atau penguatkuasaan undang-undang.

3.6 **"staf"** ertinya seseorang yang diambil bekerja secara tetap, sementara atau kontrak oleh Universiti, dan dibayar emolumen oleh Universiti, dan termasuklah seseorang yang dipinjamkan ke mana-mana perbadanan subsidiari atau Syarikat badan berkanun itu atau mana-mana badan berkanun yang lain atau mana-mana Kementerian, jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan atau mana-mana jabatan atau agensi Kerajaan mana-mana Negeri atau mana-mana syarikat yang dalamnya Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri mempunyai kepentingan;

3.7 **"swaplagiarisme (*self-plagiarism*)"** ertinya perbuatan menciplak karya sendiri yang telah diterbitkan atau karya yang sudah pun dihantar untuk penilaian atau bagi mana-mana anugerah dan menyerahkannya sebagai ciptaan yang baharu tanpa memetik kandungan asal;

3.8 **"terbitan ilmiah"** ertinya merujuk kepada hasil penulisan staf atau hasil penulisan yang dikemukakan oleh pelajar bagi memenuhi syarat keperluan program atau pengijazahan pengajian, termasuk tesis, laporan projek, disertasi penyelidikan, jurnal, artikel, prosiding, dan lain-lain terbitan ilmiah bagi semua tahap dan peringkat pengajian

3.9 **"Universiti"** ertinya Universiti Tun Hussein Onn Malaysia; dan

3.10 **"urus setia"** ertinya sekretariat yang menguruskan aduan plagiarisme dan mesyuarat JPP.

4.0 PENUBUHAN JAWATANKUASA PENCEGAHAN PLAGIARISME

4.1 Universiti hendaklah menubuhkan sebuah jawatankuasa yang dinamakan sebagai Jawatankuasa Pencegahan Plagiarisme (kemudian daripada ini disebut sebagai **"JPP"**) yang bertanggungjawab untuk membuat penilaian dan pengesyoran serta keputusan terhadap semua aduan yang diterima berkaitan plagiarisme.

4.2 Urus setia JPP bagi aduan melibatkan staf adalah Unit Integriti dan sekiranya aduan melibatkan pelajar maka urus setianya adalah Pejabat Penasihat Undang-undang.

4.3 Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk:-

(a) membuat siasatan terhadap sesuatu aduan bertulis meliputi staf yang masih berkhidmat atau tidak lagi berkhidmat, pelajar dan alumni UTHM;

(b) mengenal pasti dokumen dan saksi kes yang berkaitan;

(c) mengumpul maklumat serta dokumen sokongan;

(d) menyediakan laporan penyiasatan;

(e) memanggil pengadu / individu yang diadukan / saksi-saksi yang relevan dengan aduan yang dikemukakan;

(f) membuat syor untuk tindakan Pihak Berkuasa Universiti yang berkaitan;

(g) membuat keputusan selain daripada tindakan tatatertib; dan

(h) memaklumkan semua keputusan kes yang telah dibuat oleh JPP kepada Senat Universiti.

4.4 Jawatankuasa ini hendaklah mempunyai kuasa-kuasa seperti berikut:-

(a) mengesahkan wujudnya salah laku plagiarisme atau tidak;

(b) mengesahkan kadar indeks kesamaan bagi tujuan penilaian kes salah laku plagiarisme berdasarkan had peratus indeks kesamaan yang diputuskan oleh Senat terhadap pelajar Universiti iaitu tidak melebihi 30 peratus bagi tesis untuk semua peringkat pengajian pelajar. Penentuan indeks kesamaan atau apa-apa aduan plagiat selain daripada tesis adalah tertakluk kepada penilaian dan syor daripada JPP;

(c) mengeluarkan arahan kepada individu yang berkaitan untuk membuat tindakan pembetulan terbitan ilmiah atau dokumen atau ciptaan yang diplagiat;

(d) melaksanakan tugas-tugas moderasi terhadap aduan kes plagiarisme yang dirujuk;

(e) mengeluarkan apa-apa arahan yang bersesuaian atau munasabah kepada individu yang disahkan melakukan kes salah laku plagiarisme KECUALI tindakan yang telah diperuntukkan di bawah bidang kuasa Senat Universiti seperti berikut :-

(i) menggagalkan kursus yang berkaitan; dan
(ii) menggagalkan *viva voce* pelajar.

(f) mengemukakan aduan bertulis kepada penerbit dokumen yang diplagiat bagi tujuan penarikan semula penerbitan jika terdapat kes plagiarisme;

(g) mengesah dan mengemukakan laporan plagiarisme kepada majikan terkini individu (jika berkenaan) sekiranya individu adalah staf yang tidak lagi berkhidmat di UTHM / alumni UTHM untuk tindakan selanjutnya;

(h) memutuskan syor-syor berikut:

(i) syor tindakan tatatertib kepada Jawatankuasa Tatatertib Staf UTHM atau Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar UTHM; atau

(ii) syor selain syor tindakan tatatertib kepada staf atau pelajar yang

diadukan; atau

(iii) memutuskan tiada kes salah laku plagiarisme terhadap aduan yang diterima, dan pelajar atau staf yang diadukan tersebut dilepaskan daripada sebarang tindakan selanjutnya.

4.5 Keahlian jawatankuasa ini hendaklah terdiri daripada:-

BIL.	NAMA AHLI	PERANAN
1.	Dekan Pusat Pengajian Siswazah	Pengerusi
2.	Dua (2) orang Profesor daripada kalangan Ahli Senat yang dilantik oleh Pengerusi	Ahli
3.	Ketua Pustakawan	Ahli
4.	Penasihat Undang-Undang	Ahli
5.	Pengarah Pejabat Penerbit	Ahli
6.	Dua (2) orang pakar bidang yang disyorkan oleh Dekan Fakulti dan dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa	Ahli Turut Hadir
7.	Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) / (Penyelidikan dan Inovasi) bagi Fakulti yang berkaitan / wakil yang dinamakan	Ahli Turut Hadir
8.	Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)	Ahli Turut Hadir
9.	Wakil Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Akademik	Ahli Turut Hadir
10.	Mana-mana individu yang dijemput oleh Pengerusi untuk menghadiri mesyuarat bagi maksud menasihati Jawatankuasa	Ahli Turut Hadir
11.	Ketua Unit Integriti / Pegawai Pejabat Penasihat Undang-undang *(mengikut kategori pelaku plagiarisme sama ada staf atau pelajar)*	Setiausaha
12.	Unit Integriti / Pejabat Penasihat Undang-undang *(mengikut kategori pelaku plagiarisme sama ada staf atau pelajar)*	Urus setia

4.6 Naib Canselor boleh menggantikan mana-mana ahli di perenggan 4.5 sekiranya terdapat aduan plagiarisme yang melibatkan ahli Jawatankuasa tersebut.

4.7 Kuorum mesyuarat adalah Pengerusi dan empat (4) ahli. Jika kuorum tidak diperolehi, maka mesyuarat itu hendaklah ditunda ke tarikh lain yang ditetapkan oleh Pengerusi. Pemberitahuan mengenai masa mesyuarat yang baharu itu hendaklah

dikeluarkan tidak lewat daripada tempoh empat (4) minggu selepas mesyuarat ditunda.

4.8 Mesyuarat boleh diadakan sama ada secara fizikal atau secara dalam talian sebagai alternatif dengan syarat kemudahan yang berkaitan adalah baik dan tidak menyebabkan pengurusan mesyuarat terganggu atas sebarang masalah teknikal yang timbul.

5.0 TATACARA PENENTUAN PLAGIARISME

5.1 Plagiarisme boleh dilihat melalui darjah kesamaan (kuantitatif) seperti yang ditentukan oleh perisian pengesan. Darjah kesamaan ini akan menentukan tahap plagiarisme yang berbeza.

5.2 Terdapat beberapa tahap plagiarisme seperti berikut :-

5.2.1 Tahap Satu

(i) Memetik, merujuk atau memparafrasaan secara tidak lengkap atau mengelirukan tanpa niat untuk membuat salahlaku plagiarisme.

(ii) Kurang pengetahuan tentang plagiarisme, cara menyesuaikan diri dengan kehendak integriti akademik kerana pengabaian atau kecuaian diri sendiri.

(iii) Pada tahap ini, aduan tidak dianggap sebagai kes plagiarisme. Walaubagaimanapun, aduan berulang terhadap individu yang sama boleh menyebabkan kes tersebut diklasifikasikan sebagai plagiarisme tahap dua atau tahap tiga.

5.2.2 Tahap Dua

(i) Mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang mencukupi tentang plagiarisme.

(ii) Jelas mempunyai niat untuk melakukan plagiarisme namun jahil mengenai apa-apa peraturan UTHM yang berkaitan dengan integriti akademik.

(iii) Pesalah berulang daripada Tahap Satu akan diklasifikasikan sebagai Tahap Dua.

(iv) Pada tahap ini, aduan dianggap sebagai kes plagiarisme.

5.2.3 Tahap Tiga

(i) Plagiarisme melampaui keraguan yang munasabah.

(ii) Plagiarisme terbukti pada tesis / penerbitan yang mempunyai kadar kesamaan yang tinggi pada bab / perenggan yang berkaitan.

(iii) Jelas mempunyai niat untuk melakukan plagiarisme dan berpengetahuan mengenai apa-apa peraturan UTHM yang berkaitan dengan integriti akademik.

(iv) Pada tahap ini, aduan dianggap sebagai kes plagiarisme.

5.3 Terdapat beberapa faktor yang hendaklah ditentukan semasa membuat siasatan bagi menentukan tahap plagiarisme iaitu :-

5.3.1 impak plagiarisme;

5.3.2 niat dan/ atau motif individu yang berkenaan;

5.3.3 perkara-perkara yang menyumbang mitigasi iaitu:-

(a) Peringkat / tahap program akademik
(b) Bilangan rekod kesalahan lampau
(c) Latar belakang akademik / pendidikan individu berkenaan

5.3.4 kelaziman akademik dalam bidang yang berkaitan;

5.3.5 impak cadangan keputusan terhadap masa depan individu berkenaan atau pengadu;

5.3.6 maklumat yang pernah diberikan kepada individu berkenaan berkaitan integriti akademik; dan

5.3.7 sebarang maklumat tambahan berkaitan individu berkenaan.

5.4 Implikasi kepada setiap tahap plagiarisme adalah mana-mana satu atau apa-apa gabungan dua atau lebih implikasi mengikut kesesuaian seperti berikut:-

BIL.	TAHAP	IMPLIKASI TERHADAP STAF / PELAJAR
1.	Tahap Satu	(i) Staf atau pelajar yang berkaitan diarahkan membuat pembetulan/perubahan yang perlu dan mengemukakan semula dokumen seperti tesis/disertasi dalam tempoh tertentu untuk diperiksa semula. (ii) Staf atau pelajar yang berkaitan akan diberikan surat peringatan secara bertulis. (iii) Staf atau pelajar yang berkaitan boleh diarahkan untuk menghadiri sesi kaunseling bersama Pusat Kaunseling UTHM mengikut tempoh yang ditetapkan.
2.	Tahap Dua	Staf: (i) Staf yang berkaitan diarahkan membuat pembetulan/perubahan yang perlu dan mengemukakan semula dokumen dalam tempoh

BIL.	TAHAP	IMPLIKASI TERHADAP STAF / PELAJAR
		tertentu untuk diperiksa semula. (ii) Staf yang berkaitan hendaklah disyorkan kepada Jawatankuasa Kenaikan Pangkat untuk tidak dipertimbangkan proses kenaikan pangkat oleh UTHM pada tahun penilaian. (iii) Staf yang berkaitan hendaklah disyorkan untuk tindakan tatatertib. (iv) Laporan JPP hendaklah dilaporkan kepada majikan terkini staf yang tidak lagi berkhidmat di UTHM untuk tindakan selanjutnya mengikut budi bicara dan takat bidang kuasa majikan. Pelajar: (i) Pelajar yang berkaitan diarahkan membuat pembetulan / perubahan yang perlu dan mengemukakan semula dokumen dalam tempoh tertentu untuk diperiksa semula. (ii) Pelajar pascasiswazah mod penyelidikan akan ditangguhkan sesi *viva voce* mengikut tempoh yang akan ditetapkan oleh JPP. (iii) Pelajar pascasiswazah mod campuran dan kerja kursus disyorkan untuk digagalkan keputusan disertasi / projek sarjana. (iv) Pelajar diploma / sarjana muda disyorkan untuk digagalkan keputusan Projek Sarjana Muda / Projek Akhir Diploma. (v) Laporan JPP hendaklah dilaporkan kepada majikan terkini bekas pelajar / alumni UTHM untuk tindakan selanjutnya mengikut budi bicara dan takat bidang kuasa majikan.
3.	Tahap Tiga	Staf: (i) Staf yang berkaitan diarahkan membuat pembetulan/perubahan yang perlu dan mengemukakan semula dokumen dalam tempoh tertentu untuk diperiksa semula. (ii) Staf yang berkaitan hendaklah disyorkan kepada Jawatankuasa Kenaikan Pangkat untuk tidak dipertimbangkan proses kenaikan pangkat oleh UTHM pada tahun penilaian. (iii) Staf yang berkaitan hendaklah disyorkan untuk tindakan tatatertib.

BIL.	TAHAP	IMPLIKASI TERHADAP STAF / PELAJAR
		(iv) Laporan JPP hendaklah dilaporkan kepada majikan terkini staf yang tidak lagi berkhidmat di UTHM untuk tindakan selanjutnya mengikut budi bicara dan takat bidang kuasa majikan. Pelajar: (i) Pelajar yang berkaitan diarahkan membuat pembetulan / perubahan yang perlu dan mengemukakan semula dokumen dalam tempoh tertentu untuk diperiksa semula. (ii) Pelajar pascasiswazah mod penyelidikan akan ditangguhkan sesi *viva voce* mengikut tempoh yang akan ditetapkan oleh JPP. (iii) Pelajar pascasiswazah diputuskan tidak layak *viva.* (iv) Pelajar pascasiswazah mod campuran dan kerja kursus disyorkan untuk digagalkan keputusan disertasi / projek sarjana. (v) Pelajar diploma / sarjana muda disyorkan untuk digagalkan keputusan Projek Sarjana Muda / Projek Akhir Diploma. (vi) Pelajar disyorkan untuk dipotong markah atau diturunkan gred kursus yang berkaitan. (vii) Pelajar yang berkaitan hendaklah disyorkan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar untuk tindakan tatatertib buang Universiti. (viii) Bekas pelajar atau alumni UTHM disyorkan untuk dilucut hak pengijazahan. (ix) Laporan JPP hendaklah dilaporkan kepada majikan terkini bekas pelajar / alumni UTHM untuk tindakan selanjutnya mengikut budi bicara dan takat bidang kuasa majikan.

6.0 TATACARA ADUAN DAN TINDAKAN TATATERTIB

6.1 Plagiarisme adalah terjumlah kepada salah satu pelanggaran tata kelakuan yang melibatkan integriti akademik dan boleh dikenakan tindakan tatatertib. Oleh itu, aduan plagiarisme hendaklah ditadbir dengan tatacara aduan yang sama seperti aduan salah laku.

6.2 Aduan berkaitan kes plagiarisme hendaklah dibuat secara bertulis beserta bukti sokongan kepada Ketua Pusat Tanggungjawab staf atau pelajar yang berkenaan. Aduan juga boleh dikemukakan melalui sistem aduan WeCare

UTHM atau mana-mana saluran aduan rasmi Universiti.

6.3 Pentadbir kepada sistem-sistem aduan tersebut hendaklah memastikan aduan tersebut dilaporkan kepada Ketua Pusat Tanggungjawab untuk tujuan pengumpulan dokumen atau bukti dan penyediaan laporan.

6.4 Ketua Pusat Tanggungjawab kemudiannya hendaklah memajukan laporan aduan beserta bukti-bukti yang berkaitan kepada urus setia JPP yang berkenaan. Sekiranya pelakunya adalah staf, maka aduan yang diterima hendaklah dilaporkan kepada Unit Integriti dan sekiranya pelakunya adalah pelajar maka aduan hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Penasihat Undang-undang.

6.5 Apa-apa aduan berkenaan plagiarisme **hendaklah** ditadbir oleh Jawatankuasa Pencegahan Plagiarisme sebagaimana yang ditubuhkan pada perenggan 4.0. Carta Alir Tatacara Aduan dan Tindakan Plagiarisme adalah sebagaimana yang dilampirkan di **Lampiran 1**, Peraturan ini.

6.6 Sekiranya JPP mengesyorkan tindakan tatatertib, prosedur tindakan tatatertib atas aduan terhadap plagiarisme ini adalah tertakluk kepada punca dan bidang kuasa yang diperuntukkan oleh Kaedah-Kaedah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 dan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.

6.7 Mesyuarat Jawatankuasa Pencegahan Plagiarisme akan bersidang untuk menentukan kesahihan aduan dan mengenal pasti sumber perbuatan plagiarisme tersebut serta mengemukakan syor tindakan selanjutnya yang wajar diambil terhadap pihak yang diadukan.

6.8 Setelah Mesyuarat Jawatankuasa Pencegahan Plagiarisme bersidang dan membuat keputusan bahawa pelaku disyorkan untuk dikenakan tindakan tatatertib, maka satu laporan bertulis hendaklah dikemukakan kepada urus setia Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar atau Jawatankuasa Tatatertib Staf bagi tujuan pendakwaan selanjutnya mengikut prosedur dan bidang kuasa yang diperuntukkan di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 atau Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [*Akta 605*].

7.0 HUKUMAN TATATERTIB DAN LAIN-LAIN TINDAKAN

Pelajar atau staf yang dikenakan tindakan tatatertib dan telah didapati bersalah atas kesalahan plagiarisme boleh dikenakan hukuman tatatertib seperti berikut:

Pelajar:

7.1 Sekiranya pelajar didapati bersalah atas kesalahan tatatertib oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar, maka pelajar tersebut boleh dihukum dengan hukuman tatatertib di bawah **kaedah 49, Kaedah-Kaedah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009** dengan hukuman sama ada:

(a) amaran;

(b) denda tidak melebihi satu ratus ringgit;

(c) dilarang berada atau memasuki mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian tertentu Universiti bagi sesuatu tempoh yang ditetapkan;

(d) digantung daripada menjadi seorang pelajar Universiti bagi tempoh yang ditetapkan; dan / atau

(e) dipecat dari Universiti.

7.2 Hukuman sebagaimana yang dinyatakan di atas adalah tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.

7.3 Sebagai tambahan hukuman tatatertib di atas, Senat atau mana-mana Pihak Berkuasa Universiti yang diberi kuasa oleh Senat boleh mengambil tindakan tambahan sebagaimana yang disyorkan oleh JPP pada perenggan 5.4 seperti contoh menggagalkan keputusan disertasi atau menggagalkan keputusan Projek Sarjana Muda.

7.4 Sekiranya pelajar telah bergraduan, ijazah, diploma, sijil atau kepujian akademik pelajar boleh dilucutkan oleh Canselor, dengan sokongan tidak kurang daripada dua pertiga daripada semua ahli Lembaga, selepas memberikan peluang untuk didengar kepada bekas pelajar tersebut.

Staf:

7.5 Sekiranya staf didapati bersalah atas kesalahan tatatertib oleh Jawatankuasa Tatatertib Staf, maka staf tersebut boleh dihukum dengan hukuman tatatertib di bawah **peraturan 40, Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) [*Akta 605*]** dengan hukuman sama ada:

(a) amaran;

(b) denda;

(c) lucut hak emolumen;

(d) tangguh pergerakan gaji;

(e) turun gaji;

(f) turun pangkat; dan/atau

(g) buang kerja.

8.0 TINDAKAN PENCEGAHAN TERHADAP PLAGIARISME

Semua Pusat Tanggungjawab di Universiti berperanan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti

kesedaran dan peningkatan kefahaman kepada staf dan pelajar dari semasa ke semasa berkaitan perbuatan-perbuatan yang boleh menyebabkan plagiarisme termasuk tindakan-tindakan yang boleh dikenakan terhadap staf atau pelajar yang didapati bersalah melakukan perbuatan plagiarisme.

9.0 DOKUMEN RUJUKAN

Peraturan Pencegahan Plagiarisme ini hendaklah dibaca bersama dokumen-dokumen berikut:

9.1 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*]

9.2 Perlembagaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

9.3 Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [*Akta 605*]

9.4 Kaedah-Kaedah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009

9.5 Dasar dan Garis Panduan Penerbitan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

9.6 Panduan Penulisan Tesis Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

9.7 Peraturan Akademik Pengajian Siswazah


9.8 Peraturan Akademik (Program Sarjana Muda dan Diploma) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

9.9 Garis Panduan Teknologi Kecerdasan Buatan Generatif (KBG) Dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Tinggi

9.10 Lain-lain peraturan dan dokumen yang berkaitan yang diguna pakai oleh Universiti dari semasa ke semasa.

LAMPIRAN 1

CARTA ALIR TATACARA ADUAN DAN TINDAKAN PLAGIARISME



Plagiarism Prevention Regulations
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Senate Endorsement No. 9 session 2023/2024 (times 238) dated 8 July 2024

Copyright reserved, no part of the contents of this book may be reproduced in any form or by any means, whether electronic or mechanical, including photocopying, recording, or other forms of publication, without the written permission of the Vice-Chancellor of Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Plagiarism Prevention Regulations
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

2.0 INTRODUCTION

1.1 This document outlines the regulations and implementation related to the prevention of plagiarism in scholarly publications or creations in various forms.

1.2 One aspect of the loss of academic integrity is plagiarism, which is the act of someone claiming that an idea—whether published or unpublished, a piece of writing, a work, or someone else's creation—is their own intellectual effort without clearly acknowledging the original author or source.

1.3 The Plagiarism Prevention Regulations (hereinafter referred to as **"these Regulations"**) aim to:

(c) explain UTHM's firm commitment to upholding academic integrity. This will take effect when there is a violation of academic conduct related to plagiarism, and

(d) serve as a reference when there is a violation of academic conduct related to plagiarism.

2.0 SCOPE

2.1 These regulations apply to all students, former students, staff, and former staff, and/or any person currently serving, who has completed service, or has completed their studies at the University.

2.2 These regulations support, but do not override or replace, the rights and obligations of staff and students under the Federal Constitution and other laws enforced in Malaysia.

2.3 All members of the University community must be informed and updated about the University's stance on plagiarism through briefings, courses, seminars, or awareness and educational workshops.

2.4 These regulations encourage that all appointment letters for academic and non-academic staff, student pledge letters, invitation letters for visiting scholars (Professors/Associate Professors/Visiting Lecturers), postdoctoral and fellowship appointments should include a specific paragraph regarding compliance with plagiarism regulations, and a pledge of acknowledgement that all members of the University understand and will adhere to the terms outlined in these Regulations.

2.5 The University takes every complaint and offence related to plagiarism seriously, and if found guilty, the University may take action and impose appropriate disciplinary sanctions.

3.0 INTERPRETATION

In these Regulations, unless the context requires otherwise—

3.11 **"Plagiarism Prevention Committee** or ***Jawatankuasa Pencegahan Plagiat (JPP)***" means the Committee established to review complaints and provide reports on the level of plagiarism in cases of plagiarism misconduct;

3.12 **"Student"** means a registered student, excluding students at an institution affiliated with the University, who is enrolled in preparatory or undergraduate level courses, whether full-time, part-time, or on a distance learning, off-campus, exchange, or non-degree basis within the University.

3.13 **"Plagiarism"** means including the act of taking someone else's idea, writing, data, or creation and claiming that such idea, writing, data, or creation is one's own, or an attempt to present or the act of presenting, in any manner, oneself as the original source or creator of an idea, writing, data, or creation that was actually taken from another source. Plagiarism also includes the act of presenting, quoting, copying, paraphrasing, or disseminating one's own or others' ideas, images, processes, works, data, or words without giving proper acknowledgement, citation, or reference to the original source. Plagiarism includes, but is not limited to, the following matters:

(f) Verbatim quotation (word-for-word replication) of someone else's work.

(g) Paraphrasing someone else's work by changing some of the words or word order without giving proper acknowledgement to the original source.

(h) Submitting and publishing the whole or part of someone else's work or work generated by generative artificial intelligence (AI) as one's own.

(i) Self-plagiarism or auto-plagiarism of one's own work (that has been published) or work that has already been submitted for evaluation or any award, and presenting it as a new creation without citing the original content.

(j) Insufficient or misleading referencing that prevents readers from verifying whether a work has been accurately and/or fairly cited, thus hindering their ability to identify the original author's contribution to the submitted work.

3.14 **"University Authority"** means the committee established under Section 16 of the Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Constitution and any University Authority established from time to time.

3.15 **"Pusat Tanggungjawab (PTj)"** means a Faculty, School, Centre, Academy, Institute, or Office responsible for managing any activities involving teaching and learning, research, consultancy, testing, publication, integrity enforcement, or legal enforcement.

3.16 **"staff"** means an individual employed on a permanent, temporary, or contract basis by the University and paid an emolument by the University, including those seconded to any subsidiary corporation or statutory body, or any other statutory body, or any federal or state government ministry, department, or agency, or any company in which the Federal Government or any State Government has an interest.

3.17 **"self-plagiarism"** means the act of replicating one's own previously published work or work already submitted for evaluation or any award and presenting it as a new creation without citing the original content.

3.18 **"scholarly publications"** refers to the written work of staff or written submissions by students to fulfil the requirements of a program or academic qualification, including thesis, project reports, research dissertations, journals, articles, proceedings, and other scholarly publications at all levels and stages of study.

3.19 **"University"** means Universiti Tun Hussein Onn Malaysia; and

3.20 **"secretariat"** means the secretariat responsible for managing plagiarism complaints and the meetings of the Plagiarism Prevention Committee (JPP).

4.0 ESTABLISHMENT OF THE PLAGIARISM PREVENTION COMMITTEE

4.1 The University shall establish a committee named the Plagiarism Prevention Committee or *Jawatankuasa Pencegahan Plagiarisme* (hereinafter referred to as **"JPP"**) responsible for assessing and making recommendations and decisions on all complaints received related to plagiarism.

4.2 The secretariat of the JPP for complaints involving staff is the Integrity Unit, and for complaints involving students, the secretariat is the Legal Advisory Office.

4.3 The Committee is responsible for:

(i) conducting investigations into written complaints involving staff, whether currently employed or no longer employed, students, and alumni of UTHM;

(j) identifying relevant documents and witnesses related to the case;

(k) gathering information and supporting documents;

(l) preparing investigation reports;

(m) calling the complainant/accused individual/relevant witnesses related to the submitted complaint.

(n) making recommendations for action to the relevant University Authority;

(o) making decisions other than disciplinary actions; and

(p) informing the University Senate of all decisions made by the JPP.

4.4 The Committee shall have the following powers:

(i) To determine whether plagiarism misconduct occurs or not;

(j) To verify the similarity index for the purpose of assessing plagiarism misconduct based on the percentage threshold decided by the Senate for students of the University, which should not exceed 30 per cent for thesis at all levels of study. The determination of the similarity index or any plagiarism complaints other than thesis is subject to the evaluation and recommendations of the JPP;

(k) Issuing directives to the relevant individuals to make corrections to the scholarly publications, documents, or creations that have been plagiarised;

(l) Performing moderation tasks for referred plagiarism cases;

(m) Issuing any appropriate or reasonable directives to individuals confirmed to have committed plagiarism misconduct EXCEPT for actions provided under the jurisdiction of the University Senate as follows:

(iii) failing the relevant course and
(iv) failing the student's viva voce.

(n) Submitting a written complaint to the publisher of the plagiarised document for the purpose of retracting the publication if plagiarism is found;

(o) Verifying and submitting the plagiarism report to the current employer of the individual (if applicable) if the individual is a staff member no longer employed at UTHM or an alumnus of UTHM for further action;

(p) Making the following recommendations:

(i) recommendations for disciplinary action to the Staff Disciplinary Committee of UTHM or the UTHM Student Disciplinary Authority; or

(ii) recommendations other than disciplinary action for the staff or students involved; or

(iii) deciding that there is no plagiarism misconduct in the received complaint, and the student or staff involved is discharge of any further action.

4.5 The membership of this Committee shall consist of:

NO.	MEMBER'S NAME	ROLE
1.	Dean of the Centre for Graduate Studies	Chairperson
2.	Two (2) Professors from the Senate Members appointed by the Chairperson	Members
3.	Chief Librarian	Member
4.	Legal Advisor	Member
5.	Director of the Publisher Office	Member
6.	Two (2) field experts recommended by the Dean of the Faculty and appointed by the Committee Chairperson.	Attending Members
7.	Deputy Dean (Academic and International) / (Research and Innovation) of the relevant Faculty / named representative	Attending Member
8.	Director of the Research Management Centre (RMC)	Attending Member
9.	Representative of the Centre for Academic Development and Excellence	Attending Member
10.	Any individual invited by the Chairperson to attend meetings for the purpose of advising the Committee.	Attending Member
11.	Head of the Integrity Unit / Officer of the Legal Advisory Office *(depending on the category of the plagiarism perpetrator, whether staff or student)*	Secretary
12.	Integrity Unit / Legal Advisory Office *(depending on the category of the plagiarism perpetrator, whether staff or student)*	Secretariat

4.6 The Vice-Chancellor may replace any member listed in paragraph 4.5 if a plagiarism complaint involves that Committee member.

4.7 The quorum for a meeting is the Chairperson and four (4) members. If a quorum is not met, the meeting shall be postponed to another date set by the Chairperson. Notification of the new meeting time must be issued no later than four (4) weeks after the meeting is postponed.

4.8 Meetings can be held either physically or online as an alternative, provided that the

relevant facilities are in good condition and do not cause disruptions to the management of the meeting due to any technical issues.

5.0 PROCEDURE FOR DETERMINING PLAGIARISM

5.1 Plagiarism can be identified through the degree of similarity (quantitative) as determined by detection software. This degree of similarity will determine the different levels of plagiarism.

5.2 There are several levels of plagiarism, as follows:

5.2.1 Level One

(iv) Incomplete or misleading citation, reference, or paraphrasing without the intent to commit plagiarism.

(v) Lack of knowledge about plagiarism or how to adhere to academic integrity due to self-neglect or carelessness.

(vi) At this level, the complaint is not considered a case of plagiarism. However, repeated complaints against the same individual may result in the case being classified as level two or level three plagiarism.

5.2.2 Level Two

(v) Having sufficient knowledge and understanding of plagiarism.

(vi) Clearly having the intent to commit plagiarism but being unaware of any UTHM regulations related to academic integrity.

(vii) Repeat offenders from Level One will be classified as Level Two.

(viii) At this level, the complaint is considered a case of plagiarism.

5.2.3 Level Three

(v) Plagiarism beyond reasonable doubt.

(vi) Plagiarism is proven in a thesis/publication with a high similarity rate in the relevant chapters/paragraphs.

(vii) Clearly having the intent to commit plagiarism and being aware of UTHM regulations related to academic integrity.

(viii) At this level, the complaint is considered a case of plagiarism.

5.3 There are several factors that must be determined during the investigation to ascertain the level of plagiarism, namely:

5.3.1 The impact of plagiarism;

5.3.2 The intent and/or motive of the individual concerned;

5.3.3 Mitigating factors, such as:

(d) Level/stage of the academic program
(e) Number of previous misconduct records
(f) Academic/educational background of the individual concerned

5.3.4 Academic norms in the relevant field;

5.3.5 The impact of the proposed decision on the future of the individual concerned or the complainant;

5.3.6 Information previously provided to the individual concerned regarding academic integrity; and

5.3.7 Any additional information related to the individual concerned.

5.4 The implications for each level of plagiarism are any one or any combination of two or more implications as appropriate, as follows:

NO.	LEVEL	IMPLICATIONS FOR STAFF / STUDENTS
1.	Level One	(iv) The staff or student concerned is instructed to make necessary corrections/changes and resubmit the document, such as a thesis/dissertation, within a specified period for re-evaluation. (v) The staff or student concerned will be issued a written warning letter. (iii) The staff or student concerned may be required to attend counselling sessions with the UTHM Counselling Centre for a specified period.
2.	Level Two	Staff: (v) The staff concerned is instructed to make necessary corrections/changes and resubmit the document within a specified period for re-evaluation. (vi) The staff concerned should be recommended to the Promotion Committee not to be considered for the promotion process by UTHM during the evaluation year. (vii) The staff concerned should be recommended for disciplinary action.

NO.	LEVEL	IMPLICATIONS FOR STAFF / STUDENTS
		(viii) The JPP report should be submitted to the current employer of the staff who are no longer serving at UTHM for further action at the discretion and within the jurisdiction of the employer. Student: (vi) The student concerned is instructed to make necessary corrections/changes and resubmit the document within a specified period for re-evaluation. (vii) Postgraduate research mode students will have their viva voce session postponed for a period determined by the JPP. (viii) Postgraduate students in mixed-mode and coursework programs are recommended to have their dissertation/project results nullified. (ix) Diploma/undergraduate students are recommended to have their final year project/diploma project results nullified. (i) The JPP report should be submitted to the current employer of former students/alumni of UTHM for further action at the discretion and within the jurisdiction of the employer.
3.	Level Three	Staff: (v) The staff concerned is instructed to make necessary corrections/changes and resubmit the document within a specified period for re-evaluation. (vi) The staff concerned should be recommended to the Promotion Committee not to be considered for the promotion process by UTHM during the evaluation year. (vii) The staff concerned should be recommended for disciplinary action. (viii) The JPP report should be submitted to the current employer of the staff who are no longer serving at UTHM for further action at the discretion and within the jurisdiction of the employer. Student: (i) The student concerned is instructed to make necessary corrections/changes and resubmit the document within a specified period for re-

NO.	LEVEL	IMPLICATIONS FOR STAFF / STUDENTS
		evaluation. (ii) Postgraduate research mode students will have their viva voce session postponed for a period determined by the JPP. (iii) Postgraduate students are deemed ineligible for viva. (iv) Postgraduate students in mixed-mode and coursework programs are recommended to have their dissertation/project results nullified. (v) Diploma/undergraduate students are recommended to have their final year project/diploma project results nullified. (vi) The student is recommended to have their marks deducted or their grade for the relevant course lowered. (vii) The student concerned should be recommended to the Student Disciplinary Authority for disciplinary action, including expulsion from the University. (viii) Former students or alumni of UTHM are recommended to have their degrees revoked. (ix) The JPP report should be submitted to the current employer of former students/alumni of UTHM for further action at the discretion and within the jurisdiction of the employer.

6.0 PROCEDURE FOR COMPLAINTS AND DISCIPLINARY ACTION

6.1 Plagiarism is considered one of the academic misconduct and can be subject to disciplinary action. Therefore, plagiarism complaints should be governed by the same complaint procedures as misconduct.

6.2 Complaints relating to plagiarism cases must be made in writing along with supporting evidence to the relevant Head of Pusat Tanggungjawab (PTj) for the staff or students. Complaints can also be submitted through the WeCare UTHM complaint system or any other official University complaint channels.

6.3 Administrators of these complaint systems must ensure that the complaint is reported to the Head of Pusat Tanggungjawab (PTj) for the purpose of collecting documents or evidence and preparing a report.

6.4 The Head of the Responsibility Centre must then forward the complaint report along with relevant evidence to the appropriate JPP secretariat. If the perpetrator

is a staff member, the received complaint must be reported to the Integrity Unit, and if the perpetrator is a student, the complaint must be submitted to the Office of Legal Advisor.

6.5 Any complaints related to plagiarism **must be** managed by the Plagiarism Prevention Committee as established in paragraph 4.0. The Flowchart of Complaint Procedures and Plagiarism Actions is attached in **Appendix 1** of these Regulations.

6.6 If the JPP recommends disciplinary action, the procedure for disciplinary action regarding plagiarism complaints is subject to the provisions and jurisdiction provided by the Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Student Disciplinary) Rules 2009 and the Statutory Bodies (Discipline and Surcharge) Act 2000.

6.7 The Plagiarism Prevention Committee will convene to determine the validity of the complaint, identify the sources of the plagiarism, and submit recommendations for appropriate further actions to be taken against the perpetrator.

6.8 After the Plagiarism Prevention Committee has convened and decided that the perpetrator is to be recommended for disciplinary action, a written report must be submitted to the Secretariat of the Student Disciplinary Authority or the Staff Disciplinary Committee for further prosecution according to the procedures and jurisdiction provided under the Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Student Disciplinary) Rules 2009 or the Statutory Bodies (Discipline and Surcharge) Act 2000 [Act 605].

7.0 DISCIPLINARY ACTIONS AND OTHER MEASURES

Students or staff found guilty of plagiarism and subject to disciplinary action may face the following penalties:

Student:

7.1 If a student is found guilty of a disciplinary offence by the Student Disciplinary Authority, the student may be subjected to disciplinary action under **Rule 49 of the Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Student Disciplinary) Rules 2009,** which may include:

(a) warning;

(b) fine not exceeding one hundred ringgit;

(c) exclusion from any specific part or parts of the University for a specified period;

(d) suspension from being a student of the University for a specified period; and/or

(e) expulsion from the University.

7.2 The penalties mentioned above are subject to amendments from time to time.

7.3 In addition to the disciplinary penalties mentioned above, the Senate or any University Authority empowered by the Senate may take additional actions as recommended by the JPP under paragraph 5.4, such as failing dissertation results or Final Year Project.

7.4 If the student has already graduated, the degree, diploma, certificate, or academic honours can be revoked by the Chancellor, with support from no less than two-thirds of all Board members, after providing the former student with an opportunity to be heard.

Staff:

7.5 If staff are found guilty of disciplinary offences by the Staff Disciplinary Committee, they may be punished with disciplinary actions under **Regulation 40, Schedule Two, of the Statutory Bodies (Discipline and Surcharge) Act [Act 605]**, with possible penalties including:

(a) warning;

(b) fine;

(c) forfeiture of emoluments;

(d) deferment of salary movement;

(e) reduction of salary;

(f) reduction in rank; and/or

(g) dismissal

8.0 PREVENTIVE MEASURES AGAINST PLAGIARISM

All Pusat Tanggungjawab (PTj) at the University are tasked with conducting awareness activities for staff and students regarding actions that may lead to plagiarism. This includes informing them about the potential consequences for staff or students who are found guilty of committing acts of plagiarism.

9.0 REFERENCE DOCUMENTS

The Plagiarism Prevention Regulations should be read in conjunction with the following documents:

9.1 Universities and University Colleges Act 1971 [Act 30]

9.2 Constitution of Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

9.3 Statutory Bodies (Discipline and Surcharge) Act 2000 [Act 605]

9.4 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Student Discipline) Rules 2009

9.5 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Publication Policy and Guidelines

9.6 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Thesis Writing Guidelines

9.7 Postgraduate Studies Academic Regulations

9.8 Academic Regulations (Bachelor's and Diploma Programs) of Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

9.9 Guidelines for Generative Artificial Intelligence Technology (*Teknologi Kecerdasan Buatan Generatif/KBG*) in Teaching and Learning (*PdP*) of Higher Education

9.10 Other relevant regulations and documents applied by the University from time to time.

APPENDIX 1

FLOWCHART OF THE COMPLAINT PROCEDURE AND PLAGIARISM ACTIONS

